

TAKLIMAT PEMBAYARAN GAJI 2 KALI SEBULAN SECARA RINTIS

PENGENALAN

Pembayaran Gaji melebihi sekali sebulan ini lazim dipraktikkan dikebanyakan negara maju termasuk Amerika Syarikat, Canada, Eropah dan Jepun

RASIONAL

1. Meningkatkan keberkesanan pengurusan aliran tunai Pegawai dan Kakitangan untuk membiayai keperluan harian;
2. Memudahkan Perancangan Perbelanjaan; dan
3. Membantu kelangsungan aktiviti komersial dan perekonomian dalam negara dan seterusnya menjadikan ekonomi domestik lebih berdayatahan.

PERLAKSANAAN SECARA RINTIS

- Bagi peringkat permulaan, projek pembayaran gaji dua kali sebulan ini untuk dilaksanakan secara rintis kepada dua Kementerian sahaja iaitu **Jabatan Perdana Menteri** dan **Kementerian Kewangan**. Ini bagi membolehkan Jabatan Perbendaharaan menilai dan meneliti maklumbalas yang diperolehi daripada pelaksanaan program ini sebelum menimbangkan untuk melaratkannya ke agensi lain.
- Memandangkan Sistem Gaji Berkomputer dan Sistem Gaji Hari adalah di bawah kawalan Jabatan Perbendaharaan maka pelaksanaan rintis di Kementerian Kewangan akan memudahkan Jabatan Perbendaharaan untuk mendapatkan maklumbalas segera dari pegawai dan kakitangan yang terlibat.

PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG TERLIBAT SECARA RINTIS

- Semua pegawai dan kakitangan dibawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan yang berjawatan tetap, berkontrak, sebulan ke sebulan, *open vote* dan bergaji hari iaitu khusus bagi pegawai dan kakitangan yang gajinya dibayar melalui Jabatan Perbendaharaan.
- Pegawai dan kakitangan dari Badan-Badan Berkanun dan Government Link Companies tidak terlibat di dalam inisiatif ini. Walaubagaimanapun pihak Badan-Badan Berkanun dan Government Link Companies boleh melaksanakan inisiatif ini tertakluk jua kepada ketetapan Lembaga masing-masing.
- Peserta Skim i-Ready dan Pusat Pembangunan Kapasiti juga tidak terlibat di dalam pembayaran gaji 2 kali sebulan ini.
- Pembayaran Gaji Dua Kali Sebulan ini juga tidak termasuk pembayaran-pembayaran Pencen Perkhidmatan, Elaun Pencen Tua, Elaun Gelaran, Bantuan Kebajikan, Elaun Kurang Upaya dan lain-lain.

KAEDAH PEMBAYARAN GAJI 2 KALI

Kaedah Pembayaran Gaji 2 kali sebulan mengikut tatacara pembayaran gaji iaitu:

1. Gaji Bulan;
2. Gaji Hari; dan
3. Gaji dibayar melalui Baucar Pembayaran.

KAEDAH PEMBAYARAN GAJI 2 KALI SEBULAN (Gaji Bulan)

1. Gaji bersih akan dikira seperti pengiraan pada masa ini iaitu dengan menolak segala potongan dari jumlah gaji dan elaun-elaun.
2. Gaji bersih akan dibahagi 2.
3. Separuh daripadanya akan dibayar pada pertengahan bulan; dan
4. Separuh lagi akan dibayar pada penghujung bulan.
5. Slip gaji masih dikeluarkan sekali sebulan iaitu pada pembayaran pertama gaji pada bulan berkenaan.
6. Pembayaran gaji dua kali sebulan ini tidak termasuk pembayaran Pencen Perkhidmatan, Elaun Pencen Tua dan Elaun Gelaran.

CONTOH BAYARAN GAJI BULAN

Awang Ahmad menerima Gaji, Elaun Sara Hidup, Elaun Pelajaran, Elaun Memangku, manakala potongan yang dibuat dari gaji bulanan beliau ialah potongan TAP dan SCP; bayaran balik pinjaman rumah, bayaran balik pinjaman kenderaan dan potongan Dana Masjid.

CONTOH BAYARAN GAJI SEKARANG

Gaji/Elaun	Jumlah Sebulan	Potongan	Jumlah Sebulan
Gaji Pokok	\$2,130.00	TAP	\$107.00
Elaun Kurnia Khas	\$170.00	SCP	\$74.55
Elaun Sara Hidup	\$120.00	Pinjaman Kenderaan	\$200.00
Elaun Pelajaran	\$240.00	Pinjaman Rumah	\$350.00
Elaun Memangku	\$370.00	Dana Masjid	\$2.00
Jumlah	\$3,030.00		\$733.55
Jumlah Gaji Bersih	\$2,296.45		

CONTOH BAYARAN GAJI 2 KALI SEBULAN


Gaji/Elaun	Jumlah Sebulan	Potongan	Jumlah Sebulan
Gaji Pokok	\$2,130.00	TAP	\$107.00
Elaun Kurnia Khas	\$170.00	SCP	\$74.55
Elaun Sara Hidup	\$120.00	Pinjaman Kenderaan	\$200.00
Elaun Pelajaran	\$240.00	Pinjaman Rumah	\$350.00
Elaun Memangku	\$370.00	Dana Masjid	\$2.00
Jumlah	\$3,030.00		\$733.55
Jumlah Gaji Bersih	\$2,296.45		
Pembayaran Gaji Pertama	\$1,148.23	50% dari gaji bersih di bayar pada pertengahan bulan	
Pembayaran Gaji Kedua	\$1,148.22	50% dari gaji bersih di bayar pada penghujung bulan	

CONTOH SLIP GAJI

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN YANG DI-PERTUAN

JABATAN	JABATAN PERDANA MENTERI BANDAR SERI BEGAWAN	NOMBOR SIRI	5
NOMBOR KAD PENGENALAN	[REDACTED]	TARIKH	25/10/2017
NAMA	[REDACTED]	CARA PEMBAYARAN	2-BANK

BAYARAN		POTONGAN			
BUTIRAN	JUMLAH	BUTIRAN	JUMLAH	BAKI PINJAMAN	JUMLAH SIMPANAN
GAJI	1,865.00	CARUMAN SCP	65.27		
KURNIA EL. KHAS	200.00	PTG DANA MASJID	100.00		
EL. R/PEJABAT	46.00				
ESH	170.00				
	2,281.00		165.27		



GAJI BERSEH	PERTAMA 1,057.86	KEDUA 1,057.87	JUMLAH 2,115.73
BANK	JALAN GADONG, BANK ISLAM BRUNEI BHD (BIBD 1)		
NOMBOR KIRA-KIRA	[REDACTED]	NOMBOR AKAUN TAP :	[REDACTED]

KAEDAH PEMBAYARAN GAJI 2 KALI (Gaji Hari)

- Pembayaran akan dibuat melalui sistem TAFIS dimana jumlah gaji yang akan dibayar adalah mengikut pengiraan jumlah hari dan potongan bulanan pula dibahagi dua untuk dipotong dari jumlah gaji yang di bayar.
- Slip gaji boleh dicetak oleh Jabatan yang berkenaan jika diperlukan oleh pegawai dan kakitangan yang berkenaan.

Jabatan akan memasukkan maklumat ke dalam Sistem Gaji Hari pada minggu pertama setiap bulan bagi kedatangan penuh bagi bulan berkenaan. Mana-mana potongan termasuk ketidakhadiran bekerja pada bulan berkenaan akan dipotong dari gaji bulan berikutnya.

CONTOH SLIP GAJI HARI 2 KALI SEBULAN BAGI BERGAJI HARI



KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN YANG DI-PERTUAN

NOMBOR KAKITANGAN:
 NOMBOR KAD PENGENALAN:
 NAMA:
 KEMENTERIAN/ JABATAN:
 LOKASI:
 SEKSYEN:

CARA PEMBAYARAN: EFT
 BANK: TAIB1
 NOMBOR AKAUN:

TARIKH PEMBAYARAN: 8/15/2017
 TIMESHEET ID: DR170059528

BAYARAN		POTONGAN	
BUTIRAN	JUMLAH	BUTIRAN	JUMLAH
Special Allowance	\$200.00		
Open Vote & Daily Paid Salary	\$242.00	TAP Employee	\$13.00
Living Allowance	\$170.00	SCP Deduction Employee	\$8.47
JUMLAH ELAUN	\$612.00	JUMLAH POTONGAN	\$21.47

JUMLAH PEMBAYARAN BAGI 8/15/2017 : \$ 590.53

TARIKH PEMBAYARAN: 8/30/2017
 TIMESHEET ID: DR170059529

BAYARAN		POTONGAN	
BUTIRAN	JUMLAH	BUTIRAN	JUMLAH
Special Allowance	\$200.00		
Open Vote & Daily Paid Salary	\$290.40	TAP Employee	\$15.00
Living Allowance	\$170.00	SCP Deduction Employee	\$10.16
JUMLAH ELAUN	\$660.40	JUMLAH POTONGAN	\$25.16

JUMLAH PEMBAYARAN BAGI 8/30/2017 : \$ 635.24

JUMLAH PEMBAYARAN GAJI HARI: \$1,225.77

KAEDAH PEMBAYARAN GAJI 2 KALI (Gaji Melalui Baucar Pembayaran)

Bagi gaji yang dibayar melalui Baucar Pembayaran, jumlah gaji dan potongan bulanan dibahagi dua untuk dibayar dan dipotong pada pertengahan dan penghujung bulan.

KAEDAH PEMBAYARAN GAJI 2 KALI (Potongan TAP dan SCP serta Bonus)

- Bagi potongan-potongan yang perlu disalurkan kepada pihak ketiga seperti caruman TAP dan SCP akan dibayarkan ke agensi yang berkenaan pada hujung bulan.
- Pembayaran bonus dikekalkan seperti biasa iaitu pada penghujung bulan Disember.

TINDAKAN PIHAK BANK

Pihak bank dan Institusi Kewangan akan;

- membahagi dua segala potongan pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, pinjaman pembelian kenderaan dan mana-mana pinjaman lain untuk ditolak dari setiap pembayaran gaji.
- menahan separuh daripada jumlah potongan sebulan pada pembayaran gaji pertama, manakala separuh lagi akan dipotong pada pembayaran gaji yang kedua

TINDAKAN KEMENTERIAN DAN JABATAN YANG TERLIBAT

- Proses penghantaran maklumat GPS (Government Payroll System) yang diamalkan pada masa ini adalah tidak berubah.
- Perubahan proses bagi pembayaran kakitangan bergaji hari adalah seperti berikut:
 - Bermula gaji **Januari 2018**, penyediaan DRP dibuat pada minggu pertama setiap bulan dan dihantar ke Jabatan Perbendaharaan dalam minggu yang sama; dan
 - Mana-mana potongan ketidakhadiran berkerja pada bulan berkenaan akan dibuat pada gaji bulan berikutnya.

Bagi keterangan lanjut sila hubungi
dan layari:

Laman web: www.mof.gov.bn



2383444



**Ministry of Finance Brunei
Darussalam**



@mofbrunei



@mof_brunei

TERIMA KASIH

SESI SOALJAWAB